

12 OCT 2002

Mahathir-Brunei

M'SIA AKAN SELESAI MASALAH SEMPADAN DENGAN BRUNEI

Oleh: Salbaih Said

BANDAR SERI BEGAWAN, 12 Okt (Bernama) -- Masalah sempadan Brunei-Malaysia di laut dan darat merupakan antara isu yang dibincangkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan Sultan Brunei Hassanal Bolkiah pada satu pertemuan di sini.

Perjumpaan empat mata kedua-dua pemimpin itu semalam adalah di bawah Rundingan Tahunan Ke-6 Malaysia-Brunei sempena lawatan kerja dua hari Dr Mahathir di Brunei.

Beliau berkata Sultan Hassanal Bolkiah telah menyatakan komitmen baginda untuk menyelesaikan masalah sempadan di bawah bidang kerjasama dua hala di antara kedua-dua negara.

Masalah sempadan sehingga ini tidak menjejaskan perhubungan baik yang sedia terjalin di antara Malaysia dan Brunei, kata Dr Mahathir pada sidang media di akhir lawatannya hari ini.

Pada sesi dialog dan majlis makan tengah hari dengan masyarakat Malaysia di Brunei sebelum itu, Perdana Menteri berkata cadangan Malaysia untuk memperkenalkan kad pintar bagi mempercepatkan proses keluar masuk di sempadan Brunei-Malaysia sedang di peringkat rundingan.

Sehingga kini, Malaysia belum mendapat persetujuan dari kerajaan Brunei, katanya.

Beliau berkata mengenai usaha membanteras keganasan, semua negara Asean termasuk Brunei telah memberi sokongan dan komitmen masing-masing dalam menangani masalah itu secara bersama.

Setakat ini, Filipina, Indonesia dan Malaysia telah menyertai perjanjian membanteras keganasan secara bersama, katanya.

Ditanya mengenai masalah pendatang tanpa izin di Sabah, Dr Mahathir berkata Malaysia akan menyelesaikannya secara adil.

Kerajaan memang tahu ada pendatang tanpa izin yang berada di Sabah dalam tempoh yang lama, ada yang lebih dari 30 tahun, mempunyai anak yang dilahirkan di Sabah dan menerima pendidikan di sekolah-sekolah di Sabah, katanya.

Beliau berkata kelonggaran diberikan kepada mereka dan ada yang dihantar pulang kerana tidak mempunyai dokumen perjalanan yang sah serta ada pendatang yang masuk ke Malaysia selepas merdeka kerana pergolakan di selatan Filipina dan status mereka juga perlu ditentukan.

-- BERNAMA

SS HK RON